



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT**

**KETETAPAN UMUM NO. 1/2013**

**TARIKH KELUARAN: 4 FEBRUARI 2013**



**POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT**

**Ketetapan Umum No. 1/2013  
Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 4 Februari 2013

Edisi pertama pada 4 Februari 2013  
(Ketetapan ini menggantikan Garis Panduan Dan Prosedur Bagi Tuntutan Potongan Penggalakan Eksport yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



**POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT**

**Ketetapan Umum No. 1/2013  
Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Interpretasi	1
3. Syarikat Yang Layak Dan Produk/Aktiviti Yang Layak	2
4. Tempoh Bertindih	3
5. Jenis-Jenis Potongan	4
6. Butir-Butir Perbelanjaan Yang Layak Bagi Penggalakan Ekspor	5
7. Sekatan Potongan	22
8. Prosedur Tuntutan	22

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

### 1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk memberi penerangan layanan cukai ke atas perbelanjaan yang layak dituntut oleh sesuatu syarikat sebagai potongan bagi penggalakan eksport seperti diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986) dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan seperti berikut:

- 1.1. Seksyen 8, 33 dan 39 ACP 1967
- 1.2. Seksyen 41, APP 1986
- 1.3. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2001 [P.U.(A) 170/2001]
- 1.4. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2002 [P.U.(A) 115/2002]
- 1.5. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No.2) 2002 [P.U.(A) 116/2002]
- 1.6. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No.2) (Pindaan) 2002 [P.U.(A) 355/2002]
- 1.7. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 3) 2002 [P.U.(A) 117/2002]
- 1.8. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2003 [P.U.(A) 267/2003], dan
- 1.9. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2007 [P.U.(A) 14/2007].

### 2. Interpretasi

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 2.1. "Kualiti eksport" bermaksud :
  - (a) Sesuatu produk sedia ada yang dieksport, atau
  - (b) Produk yang belum dieksport tetapi telah memperoleh sijil kualiti antarabangsa seperti *European Conformity Mark* (CE Mark), *Hazard Analysis And Critical Control Points* (HACCP), *Japanese Industrial Standards* (JIS), *European Standard* (EN), *Quality Standard* (QS) dan *International Organization For Standardization* (ISO).
- 2.2. "Eksport" bermaksud eksport langsung tidak termasuk jualan kepada Zon Perindustrian Bebas dan Gudang Pengilangan Berlesen.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- 2.3. "Keluaran pertanian" bermaksud hasil pertanian, perikanan atau hasil laut yang tumbuh, dipelihara, dibela, ditangkap atau diekstrak di Malaysia yang dalam bentuk mentah, segar, hidup atau mati dan termasuk pengekstrakannya.
- 2.4. "Pemastautin Malaysia" bermaksud syarikat bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 8, ACP 1967.
- 2.5. "Perkhidmatan profesional tempatan" merujuk kepada perkhidmatan reka bentuk pembungkusan yang disediakan oleh syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia.
- 2.6. "Pendapatan berkanun" berhubung dengan suatu syarikat, suatu punca dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun seperti mana yang ditentukan di bawah ACP 1967.
- 2.7. "Pertunjukan perdagangan maya" bermaksud pertunjukan maya antarabangsa yang ditentusahkan oleh Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE).
- 2.8. "Portal Perdagangan" bermaksud portal perdagangan bagi mempromosikan keluaran tempatan sebagaimana yang ditentusahkan oleh MATRADE.
- 2.9. "Taksiran" bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP 1967.
- 2.10. "Tahun asas" berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca perniagaan syarikat adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 2.11. "Tempoh asas" berhubung dengan jumlah pendapatan daripada satu punca perniagaan seperti mana yang ditentukan oleh seksyen 20, ACP 1967.
- 2.12. "Wakil Syarikat" adalah membawa maksud pengarah atau pekerja syarikat.

**3. Syarikat Yang Layak Dan Produk/Aktiviti Yang Layak**

- 3.1. Potongan bagi penggalakan eksport diperuntukkan kepada syarikat yang bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran yang terlibat di dalam aktiviti pengilangan, perdagangan dan pertanian.
- 3.2. Perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu syarikat terutamanya dan khususnya bagi maksud mencari peluang dan mewujudkan peningkatan eksport bagi barang atau keluaran pertanian dikilang, dikeluarkan, dipasang, diproses, dibungkus dan digred atau diasingkan di Malaysia.
- 3.3. Perbelanjaan yang dinyatakan dalam subperenggan 3.2 merujuk kepada perbelanjaan yang dilakukan pada atau selepas 1 Januari 1986.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Contoh 1**

A Sdn Bhd sebuah syarikat bermastautin di Malaysia menjalankan pengilangan sos cili. Syarikat telah melakukan perbelanjaan bagi mencari peluang dan memperluaskan pasaran produk sos cili yang dikilang olehnya di Malaysia ke luar negara. Syarikat layak mendapat potongan tambahan ke atas perbelanjaan mencari peluang dan memperluaskan pasaran bagi cili sos di dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan.

**4. Tempoh Bertindih**

Bagi tujuan membenarkan potongan penggalakan eksport, dimana dua tempoh asas bertindih, tempoh yang bertindih itu, hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam tempoh asas yang pertama.

**Contoh 2**

B Sdn Bhd melakukan perbelanjaan bagi meluaskan pasaran produknya ke luar negara pada tarikh-tarikh seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Jenis Perbelanjaan</b>	<b>Amaun (RM)</b>
5.01.2011	Publisiti dan iklan	5,000
1.07.2011	Mengadakan contoh kepada pelanggan berpotensi	10,000
30.10.2011	Penyelidikan pasaran eksport di luar Malaysia	8,000
1.03.2012	Perundingan membuat kontrak dengan bakal pelanggan	12,000

Tempoh asas bagi tahun-tahun taksiran 2011 dan 2012 syarikat adalah seperti berikut:

<b>Tempoh Asas</b>	<b>Tahun Taksiran</b>
1.01.2011 – 31.12.2011	2011
1.04.2011 – 31.03.2012	2012

Tempoh asas bertindih dari 1.4.2011 hingga 31.12.2011 adalah dianggap jatuh dalam tempoh asas yang pertama iaitu 1.1.2011 hingga 31.12.2011 (tempoh asas bagi tahun taksiran 2011).



## POTONGAN BAGI PENGGALAKAN EKSPORT

Ketetapan Umum No. 1/2013

Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Perbelanjaan yang dilakukan pada 5.1.2011, 1.7.2011 dan 30.10.2011 berjumlah RM23,000 (5,000 + 18,000) dibenarkan sebagai potongan tambahan bagi mengira pendapatan larasan perniagaan syarikat bagi tahun taksiran 2011.

#### 5. Jenis-Jenis Potongan

Potongan bagi penggalakan eksport adalah diberikan melalui salah satu jenis potongan berikut:

##### 5.1 Potongan sekali

Pada amnya, perbelanjaan yang tidak dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar perniagaan tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967. Walau bagaimanapun untuk menggalakkan eksport, perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat seperti berikut layak dibenarkan potongan sekali –

- (a) Pendaftaran paten, cap dagangan dan perlesenan barang di luar negara di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No.2) 2002 [P.U.(A)116/2002], dan
- (b) Membawa pengimport berpotensi ke Malaysia sebagai susulan kepada misi perdagangan atau pelaburan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 3) 2002 [P.U.(A) 117/2002].

##### 5.2 Potongan tambahan

Perbelanjaan tertentu yang dibenarkan potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967 akan diberi potongan tambahan di bawah peruntukan berikut -

- (a) Seksyen 41, APP 1986 (rujuk perenggan 6.2.1)
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2001 [P.U. (A) 170/2001], dan
- (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2002 [P.U. (A) 115/2002] (rujuk perenggan 6.2.2).

##### 5.3 Potongan dua kali

Mulai tahun taksiran 2006, P.U.(A) 14/2007 telah membenarkan perbelanjaan bagi pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara sebagai potongan dua kali.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**6. Butir-Butir Perbelanjaan Yang Layak Bagi Penggalakan Eksport**

**6.1. Potongan sekali**

- 6.1.1. Pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 2) 2002 [P.U.(A) 116/2002]

Potongan sekali di bawah P.U.(A) 116/2002 telah tamat dalam tahun taksiran 2005. Mulai tahun taksiran 2006 potongan dua kali diberikan seperti yang dinyatakan di perenggan 6.3 Ketetapan ini.

- 6.1.2. Perbelanjaan membawa pengimport berpotensi ke Malaysia

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 3) 2002 [P.U.(A) 117/2002]

Pada amnya, perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat untuk membawa pengimport berpotensi ke Malaysia tidak dibenarkan sebagai potongan kerana perbelanjaan yang dilakukan tidak kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan perniagaan

Walau bagaimanapun, mulai tahun taksiran 2002 perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat untuk membawa pengimport berpotensi ke Malaysia dibenarkan potongan sekali di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No. 3) 2002 [P.U.(A) 117/2002] susulan daripada misi perdagangan atau pelaburan yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan atau persatuan perindustrian/perdagangan yang ditentusahkan oleh MATRADE layak mendapat potongan cukai di dalam menentukan pendapatan larasannya.

Lawatan oleh pengimport berpotensi mestilah dalam tempoh 12 bulan selepas misi ke luar negara. Perbelanjaan yang layak ialah penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan tertakluk kepada :

- (a) Maksimum 3 malam kos penginapan hotel terhad kepada RM300 setiap malam, dan
- (b) Maksimum 3 hari belanja makanan terhad kepada RM150 sehari.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**6.2. Potongan tambahan**

6.2.1. Seksyen 41 APP 1986 [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986].

(a) Publisiti dan pengiklanan

- (i) Kos pengiklanan dalam mana-mana media di luar Malaysia. Contoh media adalah televisyen, laman sesawang, radio, surat khabar, majalah perdagangan atau am, panduan perdagangan dan buku panduan. Untuk tujuan ini, media tidak termasuk iklan dan publisiti di papan iklan, kenderaan, dan
- (ii) Kos brosur dan risalah yang dicetak di Malaysia atau di luar Malaysia bagi pengedaran di luar negara.

(b) Penyediaan sampel

Perbelanjaan yang layak adalah perbelanjaan yang berkaitan dengan penyediaan sampel percuma yang disediakan dalam negeri untuk diedarkan kepada bakal pelanggan di luar Malaysia. Perbelanjaan ini meliputi kos bahan, kos penghantaran, pengangkutan, bayaran pos, insurans, pembungkusan, duti import dan cukai yang dibayar kepada negara yang dituju.

(c) Penyelidikan pasaran eksport / Maklumat pasaran eksport<sup>1</sup>

Perbelanjaan yang terlibat adalah perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dalam menjalankan penyelidikan pasaran eksport atau mendapatkan maklumat pasaran eksport. Contoh-contoh perbelanjaan adalah -

- (i) Perbelanjaan yang dilakukan untuk melantik konsultan pemasaran bagi menjalankan penyelidikan pasaran dan pengujian keluaran di luar negara jika berkaitan dengan pasaran eksport. Sekiranya konsultan yang dilantik adalah dari luar negara, bayaran yang dibuat kepada konsultan adalah tertakluk dengan cukai pegangan
- (ii) Kos memperoleh laporan kewangan dan status bakal pembeli
- (iii) Kos memperoleh sampel daripada luar negara yang dibawa balik ke Malaysia untuk pembelajaran dan pengubahsuaian bagi membangunkan produk untuk dieksport, dan
- (iv) Kos memperoleh maklumat pasaran eksport sekunder seperti laporan kajian pasaran, panduan untuk pengilang, panduan untuk pengimport dan penerbitan statistik.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Nota**

<sup>1</sup>Perbelanjaan di atas tidak termasuk tambang penerangan, penginapan dan makanan.

(d) Tender bagi pembekalan barang

Perbelanjaan secara langsung berkaitan dengan penyediaan tender untuk membekalkan barang atau hasil pertanian (bukan barang hasil pertanian daripada jenis dan spesifikasi sama seperti yang biasa dikeluarkan, dihasilkan atau dibekalkan oleh syarikat itu) kepada bakal pelanggan di luar Malaysia. Perbelanjaan tersebut secara amnya merujuk kepada -

- (i) Perbelanjaan berhubung dengan pembelian dokumen tender seperti kos tender, pengangkutan dan insurans
- (ii) Perbelanjaan bagi penyediaan sampel mengikut spesifikasi tender yang dikemukakan bersama dokumen tender seperti kos bahan dan upah, dan
- (iii) Kos penghantaran dokumen tender dan sampel ke tempat di luar negara seperti kos pengangkutan, bayaran pos, premium insurans, penghantaran dokumen tender dan sampel, pembungkusan dan fi pelepasan.

**Contoh 3**

C Sdn Bhd ditubuhkan dalam tahun 2009 merupakan sebuah syarikat pengeluar ikan keli sejuk beku dan dipasarkan dalam negara sahaja. Dalam tahun 2011, syarikat berhasrat untuk mengembangkan produk ikan keli sejuk beku ke luar negara dan telah melakukan perbelanjaan langsung berkaitan dengan penyediaan tender kepada pelanggan di luar Malaysia.

C Sdn Bhd, tidak layak untuk potongan tambahan bagi perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan penyediaan tender kepada bakal pelanggan di luar Malaysia kerana produk yang akan dieksport adalah sama dengan produk yang telah dikilangkan oleh syarikat.

**Contoh 4**

Fakta sama seperti contoh 3 di atas. Pada tahun 2012, C Sdn Bhd telah mengeluarkan produk baharu berdasarkan ikan bilis di dalam tin yang akan dipasarkan ke luar negara. Untuk tujuan tersebut syarikat telah melakukan perbelanjaan secara langsung berkaitan dengan penyediaan tender kepada pelanggan di luar Malaysia.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

C Sdn Bhd layak untuk potongan tambahan bagi perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan penyediaan tender kepada bakal pelanggan di luar negara bagi produk baharu yang dikeluarkan.

- (e) Perundingan atau menandatangani kontrak<sup>2</sup>

Tambang perjalanan yang dilakukan oleh wakil syarikat ke negara di luar Malaysia bagi maksud perundingan atau menandatangani kontrak untuk jualan barang atau hasil pertanian bagi pihak syarikat layak untuk mendapat potongan.

Perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan tambahan adalah :

- (i) Tambang pergi balik kapal terbang untuk wakil syarikat (kelas ekonomi)
- (ii) Tambang darat (luar negara), dan
- (iii) Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM200 sehari. Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada -
  - Hotel - maksimum RM300 sehari, dan
  - Makanan - maksimum RM150 sehari.

**Nota**

<sup>2</sup>Perbelanjaan yang layak dituntut hanyalah untuk wakil syarikat yang menjalankan perundingan atau menandatangani kontrak secara terus dengan pelanggan luar negara untuk produk yang akan dijual kepada pelanggan tersebut. Pertemuan dan perbincangan dengan wakil/ejen atau pengedar yang tiada kaitan dengan syarikat di luar negara untuk bekerjasama meluaskan pasaran di negara tersebut tidak layak mendapat potongan dua kali ini.

**Contoh 5**

D Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan pembuatan perabot untuk pasaran tempatan dan luar negara. Untuk mengembangkan pasaran ke luar negara, pada tahun taksiran 2011 syarikat telah menjalankan beberapa siri perundingan dengan wakil/ejen syarikat dan telah berjaya menandatangani kontrak penjualan produk kepada pelanggan baharu di luar negara. Perbelanjaan berikut telah dilakukan :

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Bil	Jenis Perbelanjaan	Potongan	
		Seksyen 33(1)	Tambahan
1	Tambang penerbangan (kelas ekonomi) - (2 orang)	13,000	13,000
2	Kos penginapan (RM750 x 5 hari x 2 orang)	7,500	3,000 (terhad : RM300 x 5 hari x 2 orang)
3	Makanan (RM300 x 5 hari x 2 orang)	3,000	1,500 (terhad: RM150 x 5 hari x 2 orang)
<b>Jumlah</b>		<b>23,500</b>	<b>17,500</b>
<b>Perbelanjaan yang layak</b>		<b>23,500 + 17,500= 41,000</b>	

Syarikat layak untuk mendapat potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967 dan potongan tambahan sebanyak RM41,000 ke atas perbelanjaan yang dilakukan terhad kepada amaun yang dinyatakan pada subperenggan (e)(i), (ii) dan (iii).

**Contoh 6**

E Sdn Bhd menuntut potongan tambahan bagi kos untuk menghadiri beberapa perbincangan dengan wakil ejen di luar negara untuk bekerjasama meluaskan pasaran di negara tersebut.

Syarikat tidak layak mendapat potongan tambahan bagi perbelanjaan ke luar negara kerana pertemuan dan perbincangan bukan bertujuan untuk menjual produk kepada wakil ejen dan pelanggan berpotensi syarikat di luar negara.

- (f) Penyertaan dalam pasaria perdagangan atau pameran perdagangan / industri yang diluluskan<sup>3</sup>

Tambang perjalanan yang dilakukan oleh wakil syarikat bagi tujuan perjalanan yang perlu diambil untuk ke negara di luar Malaysia bagi maksud mengambil bahagian dalam pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri juga layak untuk potongan.

Perbelanjaan yang layak adalah -

- (i) Tambang pergi balik kapal terbang untuk wakil syarikat (kelas ekonomi)

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- 
- (ii) Tambang darat (luar negara), dan
  - (iii) Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM200 sehari. Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada-
    - Hotel: maksimum RM300 sehari, dan
    - Makanan: maksimum RM150 sehari.
  - (g) Penyediaan barang-barang pameran dalam penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri yang diluluskan<sup>4</sup>  
Perbelanjaan langsung untuk penyediaan barang-barang pameran bagi penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri di luar Malaysia adalah termasuk kos pengangkutan barang-barang pameran seperti pembungkusan, insurans, pengangkutan, kos penghantaran dan fi pelepasan dari Malaysia ke negara yang dituju dan balik tidak termasuk pengangkutan dalam Malaysia.

**Nota**

<sup>3&4</sup>Penyertaan dalam pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri hendaklah diluluskan oleh MATRADE.

- (h) Perbelanjaan langsung yang dilakukan dalam penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri yang diluluskan selain daripada perbelanjaan yang dinyatakan di bawah perenggan 6.2.1 (f) dan 6.2.1(g) di atas .

Perbelanjaan langsung yang dilakukan dalam penyertaan pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/ industri yang diadakan di luar Malaysia dan diluluskan oleh MATRADE, selain daripada perbelanjaan yang diterangkan pada subperenggan (e), (f) dan (g) di atas juga layak untuk potongan tersebut.

Perbelanjaan ini adalah -

- (i) Amaun dibayar kepada individu yang digaji bagi tujuan mengendalikan gerai pameran seperti pengawal keselamatan, penterjemah, penyambut tetamu dan pembantu gerai
- (ii) Kos utiliti seperti air, elektrik dan gas yang dilakukan semasa pasaria atau pameran perdagangan

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(iii) Kos sewa, reka bentuk dan pembinaan gerai, perkhidmatan profesional untuk susun atur pameran, sewa perabot dan lekatan untuk gerai pameran dan kos membuka gerai pameran selepas tamat pameran tidak termasuk kos yang melibatkan struktur tetap

(iv) Kos publisiti dan pengiklanan dan kos hadiah promosi yang diberi semasa pasaria atau pameran perdagangan/industri seperti lencana, beg plastik dan penanda buku, dan

(v) Kos komunikasi seperti bayaran pos, telefon, e-mel dan faksimili yang dilakukan semasa pasaria atau pameran perdagangan/industri.

(i) Penyediaan maklumat teknikal

Perbelanjaan yang dilakukan dalam memberi maklumat teknikal kepada orang di luar Malaysia yang berkaitan dengan barang atau hasil pertanian syarikat yang ditawarkan untuk jualan, tidak termasuk perbelanjaan bagi maklumat teknikal yang diberikan kepada pembeli yang telah membuat belian. Perbelanjaan yang layak adalah :

(i) Kos bahan, upah dan fi perundingan yang dilakukan dalam penyediaan dokumen teknikal, dan

(ii) Kos penghantaran dokumen.

Sekiranya fi perundingan dibayar kepada orang bukan pemastautin di Malaysia, bayaran tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan.

(j) Perhubungan awam

Bayaran ke atas perkhidmatan yang diberikan untuk kerja-kerja perhubungan awam kepada agensi perhubungan awam atau perunding di luar Malaysia untuk mempertingkat eksport atau mempromosikan imej syarikat berhubung dengan eksport.

(k) Penyelenggaraan pejabat jualan di luar negara

Perbelanjaan yang dilakukan dalam menyelenggara pejabat jualan di luar negara untuk promosi eksport seperti :

(i) Menyelenggarakan sewa ruang pejabat

(ii) Penyelenggaraan dan pembaikan pejabat

(iii) Bayaran gaji pekerja yang mengendalikan pejabat jualan.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Gaji pekerja di pejabat luar negara yang layak diberi potongan tambahan adalah gaji yang dibayar kepada pekerja yang dilantik terus oleh syarikat di Malaysia bagi mempromosikan produk di negara tersebut.

**Contoh 7**

F Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengilangan yang bermastautin di Malaysia dan telah mengekspor produknya ke luar negara. Syarikat telah melantik pengedar luar negara untuk mempromosi dan menjual produknya di negara tersebut. Pengedar telah mengambil pekerja untuk tujuan promosi dan jualan produk. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pengedar di luar negara berkenaan gaji dan perbelanjaan lain berkaitan kepada pekerja tersebut dituntut daripada syarikat E Sdn Bhd.

F Sdn Bhd tidak layak menuntut perbelanjaan gaji dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pekerja asing yang dilantik oleh pengedar di luar negara kerana pekerja tersebut bukan pekerja Syarikat F Sdn Bhd.

(iv) Perbelanjaan yang dilakukan oleh pekerja di pejabat jualan luar negara untuk perjalanan luar bagi promosi jualan adalah seperti berikut -

- Tambang pergi balik kapal terbang (kelas ekonomi)
- Pengangkutan darat
- Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM200 sehari. Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2002, amaun tersebut telah dinaikkan kepada -
  - Penginapan hotel - maksimum RM300 sehari, dan
  - Makanan - maksimum RM150 sehari.

(I) Fi profesional untuk reka bentuk pembungkusan [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2001. [(P.U.(A) 170/2001)]

Mulai 1 Januari 2001, fi profesional yang dibayar oleh syarikat berhubung dengan reka bentuk pembungkusan produk yang berkualiti eksport atau menggunakan perkhidmatan profesional tempatan layak untuk potongan tambahan. Perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut -

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- 
- (i) Kos konsep pembungkusan atau label
  - (ii) Kos penyediaan prototaip
  - (iii) Kos mencipta logo
  - (iv) Kos jenama reka bentuk
  - (v) Kos permukaan reka bentuk (grafik)
  - (vi) Kos struktur / reka bentuk yang fleksibel
  - (vii) Kos fotografi dan pengimbasan
  - (viii) Kos pemisahan warna, kalis warna dan membuat plat
  - (ix) Kos pengeluaran untuk mencetak dan memotong (die-cut) sampel
  - (x) Kos pengeluaran bagi sampel kotak atau bekas (plastik, keluli dan kaca), dan
  - (xi) Kos perolehan kod jalur.

**6.2.2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2002 [P.U.(A) 115/2002].**

Sebagai usaha berterusan untuk mempromosikan produk atau hasil pertanian Malaysia dalam pasaran antarabangsa, berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002, perbelanjaan berikut telah dimasukkan sebagai perbelanjaan yang layak untuk penggalakan eksport dan layak untuk potongan tambahan -

- (a) Penyertaan dalam portal perdagangan
  - (i) Memperbaharui bayaran keahlian portal perdagangan. (Bayaran pendaftaran permulaan atau bayaran sekali sahaja seperti bayaran langganan atau keahlian dengan portal perdagangan bukanlah perbelanjaan yang dibenarkan)
  - (ii) Kos pengiklanan (sepanduk/butang pengiklanan, rangkaian/bahagian tajaan)
  - (iii) Fi perundingan yang dibayar bagi membangunkan laman web
  - (iv) Kos pembangunan web (muka surat laman web, reka bentuk/paparan kreatif)

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- (v) Kos perkhidmatan web (pendaftaran nama utama, pendaftaran e-mel, perkhidmatan penghosan web, penyewaan server, pengwujudan dan penghosan mel web)
- (vi) Kos perkhidmatan pemasaran internet (pasaran e-mel dan penghantaran enjin carian), dan
- (vii) Fi tahunan/penyelenggaraan untuk penyelenggaraan laman web yang berterusan oleh pembekal perkhidmatan termasuk caj penghosan, e-mel utama dan perkhidmatan e-mel. Penyertaan dalam setiap portal perdagangan perlu disahkan oleh MATRADE.

(b) Pertunjukan perdagangan maya

Pertunjukan perdagangan maya bermaksud menyertai perdagangan dalam internet selain menyertai pasaria perdagangan atau pameran perdagangan/industri di luar negara seperti yang diterangkan di dalam perenggan 6.2.1(f) Ketetapan ini. Perbelanjaan yang layak adalah :

- (i) Kos membangunkan ruang maya seperti susunan dan paparan muka surat, katalog produk, imbasan reka bentuk, pameran produk 3D, animasi multimedia dan reka bentuk kreatif untuk pencontoh
- (ii) Kos pengiklanan dalam pertunjukan perdagangan maya seperti sepanduk/butang pengiklanan dan rangkaian tajaan
- (iii) Bahan promosi berkaitan dengan pertunjukan perdagangan maya seperti brosur/risalah
- (iv) Kos persidangan maya/kemudahan *teleconferencing*
- (v) Kos pertanyaan niaga dalam talian mengenai perdagangan dalam ruang maya atau pertunjukan perdagangan maya, dan
- (vi) Lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi penyertaan dalam pertunjukan perdagangan maya.

(c) Kos menyelenggara gudang di luar negara

Gudang adalah bangunan seperti yang didefinisikan di bawah perenggan 37C Jadual 3 ACP 1967. Sementara bangunan adalah suatu struktur di atas tanah (selain daripada loji dan jentera) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 ACP 1967.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, gudang adalah sebuah bangunan yang terletak di luar negara bagi penyimpanan stok sebelum barang diedar atau dijual bagi tujuan penggalakan eksport tetapi tidak termasuk bekas/kontena untuk penyimpanan bahan cecair dan aset-aset mudah alih.

Perbelanjaan bagi penyelenggaraan gudang di luar negara adalah -

- (i) Sewa gudang
- (ii) Penjagaan dan pemberian perkhidmatan gudang
- (iii) Gaji pekerja yang mengendalikan gudang, dan
- (iv) Lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi menyelenggara gudang.

**Contoh 8**

G Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat mastautin di Malaysia dan menjalankan pengilangan bagi komponen elektrik dan kebanyakan produknya dieksport. Untuk memastikan produk dipasarkan di luar negara dengan cepat dan menepati permintaan pelanggan, syarikat telah menyewa gudang di luar negara bagi tujuan penyimpanan sebelum dijual kepada pelanggan.

Syarikat layak menuntut potongan tambahan ke atas perbelanjaan sewa gudang yang dilakukan tersebut.

**Contoh 9**

H Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan produk asid lemak yang dieksport ke luar negara. Untuk memenuhi pasaran luar negara dan mengekalkan kualiti produk tersebut, syarikat telah menyewa tangki penyimpanan mudah alih untuk menyimpan stok sebelum ianya diedarkan atau dijual kepada pelanggan di luar negara tersebut.

H Sdn Bhd tidak layak menuntut potongan tambahan ke atas perbelanjaan berkaitan pembelian atau penyewaan tangki penyimpanan tersebut kerana tidak memenuhi maksud gudang seperti yang diperuntukkan di dalam ACP 1967.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**6.3. Potongan Dua Kali**

**6.3.1. Pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara**

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) 2007 [P.U.(A) 14/2007]

Mulai tahun taksiran 2006, amaun perbelanjaan berhubung dengan pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara yang sebelum ini diberikan potongan sekali di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport) (No.2) 2002 [P.U.(A) 116/2002] telah diberikan potongan dua kali ganda ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi –

- (a) Bayaran pendaftaran, dan
- (b) Lain-lain perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara seperti duti setem, bayaran guaman dan fi perundingan.

P.U.(A) 14/2007 telah menggantikan P.U.(A) 116/2002.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**6.4. Ringkasan Bagi Potongan Penggalakan Eksport**

Bil	Akta atau Kaedah	Butir-Butir Perbelanjaan	Kelayakan
1.	Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986 (KCP 1986)	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Promosi dan pengiklanan</li> <li>(b) Penyediaan sampel</li> <li>(c) Penyelidikan pasaran</li> <li>(d) Penyediaan tender</li> <li>(e) Perundingan/menandatangani kontrak atau penyertaan dalam pasaria perdagangan / pameran – sekatan terpakai iaitu penginapan, kos perjalanan dan makanan.</li> <li>(f) Maklumat teknikal</li> <li>(g) Penyediaan barang-barang pameran</li> <li>(h) Perhubungan awam</li> <li>(i) Penyertaan dalam pasaria perdagangan atau pameran perdagangan / industri [selain daripada di (e) &amp; (g)]</li> <li>(j) Penyelenggaraan pejabat jualan</li> </ul>	Potongan tambahan
	P.U.(A) 170/2001	Fi profesional untuk reka bentuk pembungkusan	
	P.U.(A) 115/2002	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Penyertaan dalam pertunjukan perdagangan maya</li> <li>(b) Penyertaan dalam portal perdagangan</li> <li>(c) Penyelenggaraan gudang di luar negara</li> </ul>	



POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT

Ketetapan Umum No. 1/2013

Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bil	Akta atau Kaedah	Butir-Butir Perbelanjaan	Kelayakan
	KCP 1986	<p>1) Perundingan/menandatangani kontrak atau penyertaan dalam pasaria/pameran:</p> <p>(a) Tambang kapal terbang bersamaan dengan kelas ekonomi</p> <p>(b) Penginapan dan makanan RM200 sehari untuk sepanjang tempoh</p> <p>2) Perbelanjaan dilakukan oleh pekerja di pejabat jualan luar negara untuk perjalanan luar bagi promosi jualan:</p> <p>(a) Tambang pergi balik kapal terbang (kelas ekonomi)</p> <p>(b) Pengangkutan darat</p> <p>(c) Penginapan hotel dan makanan. Perbelanjaan sebenar yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum RM200 sehari. Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2002, amanun tersebut telah dinaikkan kepada -</p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Penginapan hotel: maksimum RM300 sehari, dan</li><li>▪ Makanan: maksimum RM150 sehari.</li></ul>	Potongan tambahan yang tertakluk kepada sekatan
2.	P.U.(A) 117/2002	Disediakan kepada pengimport berpotensi:  (i) Penginapan-maksimum RM300 sehari untuk maksimum 3 malam  (ii) Makanan- maksimum RM150 sehari untuk maksimum 3 hari	Potongan sekali yang tertakluk kepada sekatan
3.	P.U.(A) 14/2007	Pendaftaran paten, cap dagangan atau perlesenan barang di luar negara	Potongan Dua Kali

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- 6.5. Peruntukan Khas Bagi Syarikat Perintis /Syarikat Yang Dikecualikan Cukai Di Bawah Perintah Cukai Pendapatan

- 6.5.1 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2001.

Syarikat-syarikat perintis layak untuk menuntut potongan penggalakan eksport. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini dalam tempoh perintis akan di kumpul dan ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan selepas tempoh perintis.

- 6.5.2 Syarikat yang dikecualikan cukai pendapatan juga layak menuntut potongan cukai bagi perbelanjaan penggalakan eksport di bawah kedua-dua Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang disebut dalam perenggan sebelum sekiranya terdapat peruntukan khas yang membenarkan perbelanjaan berkenaan dituntut selepas tempoh pengecualian cukai.

Contohnya, Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.17) 2007 [P.U.(A) 371/2007] memperuntukkan bahawa syarikat berstatus BioNexus layak menuntut perbelanjaan penggalakan eksport yang dilakukan dalam tempoh pengecualian cukai selepas tempoh pengecualian cukai tamat.

**Contoh 10**

J Sdn Bhd yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun telah diberikan taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% bagi tempoh 1.4.2005 hingga 31.3.2009.

Maklumat mengenai pendapatan perintis diterima dan perbelanjaan dilakukan berhubung dengan penggalakan eksport pada tarikh-tarikh berikut yang layak untuk potongan tambahan adalah seperti berikut :

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Tahun Taksiran	Pendapatan Kasar (RM)	Perbelanjaan Pentadbiran Dan Operasi Yang Dibenarkan (RM)	Tarikh Perbelanjaan Penggalakan Eksport Dilakukan	Amaun Perbelanjaan Penggalakan Eksport
2005 Tempoh pra-perintis (1.1.2005 - 1.3.2005)	-	-	-	-
2005 Tempoh perintis (1.4.2005 - 1.12.2005)				
2006	-	-	-	-
2007	200,000	80,000	04.05.2007	20,000 <sup>5</sup>
2008	400,000	150,000	24.11.2008	5,000 <sup>6</sup>
2009 (Jan – Mac)	500,000	200,000	-	-
2009 (April – Dis)	800,000	300,000	02.08.2009	15,000

6.5.3 Pengiraan cukai syarikat disediakan seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2007**

<b>Perniagaan Perintis</b>	<b>RM</b>
Pendapatan kasar	200,000
Tolak:	
Perbelanjaan yang dibenarkan [termasuk perbelanjaan bagi penggalakan eksport [RM20,000]	<u>100,000</u>
Pendapatan larasan	100,000
Tolak : Elaun modal	<u>25,000</u>
Pendapatan berkanun	75,000
Pengecualian pendapatan berkanun dihadkan kepada 70%	<u>52,500</u>
Pendapatan agregat	<u>22,500</u>

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Nota**

<sup>5</sup>Potongan tambahan atas perbelanjaan yang dilakukan, berjumlah RM20,000 pada 4.5.2007 adalah ditangguhkan dan diberi potongan dalam tahun taksiran 2009 selepas tempoh perintis berakhir.

**Tahun Taksiran 2008**

<b>Perniagaan Perintis</b>	<b>RM</b>
Pendapatan kasar	400,000
Tolak:	
Perbelanjaan yang dibenarkan [termasuk perbelanjaan bagi penggalakan eksport [RM5,000]	<u>155,000</u>
Pendapatan larasan	245,000
Tolak: Elaun Modal	<u>30,000</u>
Pendapatan berkanun	215,000
Pengecualian pendapatan berkanun dihadkan kepada 70%	<u>150,500</u>
Pendapatan agregat	<u>64,500</u>

**Nota**

<sup>6</sup>Potongan tambahan atas perbelanjaan yang dilakukan, berjumlah RM5,000 pada 24.11.2008 ditangguhkan dan diberi potongan dalam tahun taksiran 2009 selepas tempoh perintis berakhir.

**Tahun Taksiran 2009**

**Perniagaan Perintis (1.1.2009 – 31.3.2009)**

	<b>RM</b>
Pendapatan kasar	500,000
Tolak:	
Perbelanjaan yang dibenarkan	<u>200,000</u>
Pendapatan larasan	300,000
Tolak: Elaun modal	<u>25,000</u>
Pendapatan berkanun	275,000
Pengecualian pendapatan berkanun dihadkan kepada 70%	<u>192,500</u> <u>82,500</u>



POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT

Ketetapan Umum No. 1/2013

Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Perniagaan Selepas Perintis (1.4.2009 – 31.12.2009)**

	RM
Pendapatan kasar	800,000
Tolak:	
Perbelanjaan yang dibenarkan [RM300,000 + RM15,000]	315,000
Belanja pasti/dilakukan (20,000 + 5,000) <sup>7</sup>	<u>25,000</u> <u>340,000</u>
Pendapatan larasan	460,000
Tolak: Elaun Modal	<u>15,000</u> <u>445,000</u>
Jumlah pendapatan berkanun	<u>527,500</u>

**Nota**

<sup>7</sup>Amaun perbelanjaan penggalakan eksport yang dikumpulkan dalam tempoh perintis adalah RM25,000 [RM20,000 + RM5,000].

**7. Sekatan Potongan**

- 7.1. Tiada potongan boleh dibenarkan berkenaan dengan apa-apa belanja pasti, perbelanjaan atau bayaran lain -
  - (a) Yang terdiri daripada jenis yang disebut dalam subseksyen 39(1) ACP 1967, atau
  - (b) Yang dilakukan oleh sesuatu syarikat yang terletak di luar negara dan tertakluk kepada cukai negara tersebut.
- 7.2. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, walau bagaimanapun, mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan apa-apa amaun belanja pasti dan perbelanjaan yang mana pada pendapatnya, adalah berlebihan dari apa yang dijangkakan munasabah untuk dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan.

**8. Prosedur Tuntutan**

- 8.1. Syarikat dinasihatkan supaya mengisi dengan lengkap borang-borang yang ditetapkan seperti berikut:
  - (a) LHDN/BT/DD/POE/2003: Potongan tambahan bagi penggalakan eksport
  - (b) LHDN/BT/DD/POE/PD/2003-1: Potongan tambahan bagi fi profesional untuk reka bentuk pembungkusan
  - (c) LHDN/BT/SD/POE/2003: Potongan sekali bagi penggalakan eksport



**POTONGAN BAGI  
PENGGALAKAN EKSPORT**

**Ketetapan Umum No. 1/2013**

**Tarikh Keluaran: 4 Februari 2013**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- 
- 8.2. Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap bersama-sama dengan dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh syarikat bagi tujuan audit.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**